

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
KAWASAN : KUALA KEDAH
TARIKH : 27 NOVEMBER 2017
NO. SOALAN : 18

SOALAN

Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] meminta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sumbangan perusahaan kecil sederhana kepada negara bagi 3 tahun terakhir dalam nilai Ringgit serta peratus dari KDNK. Apakah pelan hala tuju Kementerian dalam meningkatkan pendapatan negara melalui perusahaan kecil sederhana (PKS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan tonggak utama yang menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Dari tahun 2014 hingga 2016, keluaran dalam negara kasar (KDNK) PKS adalah masing-masing berjumlah RM363.4 bilion, RM385.6 bilion dan RM405.5 bilion pada harga malar tahun 2010. Dari segi peratusan kepada KDNK keseluruhan pula, sumbangan PKS semakin meningkat, iaitu daripada 35.9% yang

31

dicatatkan pada tahun 2014 kepada 36.6% pada tahun 2016. Pada tahun 2016, KDNK PKS kekal berdaya tahan dan berkembang sebanyak 5.2%, terus mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan yang berkembang sebanyak 4.2%.

| | 2014 | 2015 | 2016 |
|--|-------|-------|-------|
| KDNK PKS (RM billion) | 363.4 | 385.6 | 405.5 |
| Sumbangan PKS kepada KDNK Keseluruhan, (%) | 35.9 | 36.3 | 36.6 |

Bagi meningkatkan pendapatan negara melalui PKS, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan termasuk inisiatif oleh SME Corp. Malaysia di bawah Pelan Induk PKS (2012-2020). Pelan ini telah dirangka bagi memberi tumpuan menyeluruh ke arah mewujudkan ekosistem yang menyokong usaha mempercepatkan pertumbuhan PKS melalui produktiviti dan inovasi. Pelan Induk ini menggariskan 32 inisiatif termasuk enam program berimpak tinggi yang akan melonjakkan pertumbuhan KDNK PKS yang tinggi dan untuk Malaysia menghasilkan juara negara, serantau dan global yang kompetitif bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara. Pelbagai inisiatif oleh Kerajaan juga telah dilaksanakan bagi merangsang perkembangan PKS di Malaysia dan memastikan PKS lebih berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS

TARIKH : 27.11.2017

SOALAN : NO. 19

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan graduan yang masih menganggur di negeri Sabah; dan
- (b) apakah kaedah penyelesaian Kementerian dalam menyelesaikan masalah pengangguran di kalangan graduan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2016 terdapat seramai 4,088 orang graduan berstatus belum bekerja yang bermastautin di negeri Sabah.
- (b) Dalam meningkatkan lagi kebolehpasaran dan seterusnya menangani isu pengangguran di kalangan graduan, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah dengan memperkenalkan:
 - (i) Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) yang menilai kebolehan pelajar dalam bidang keusahawanan,

kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan juga berkomunikasi;

- (ii) Program 2u2i yang merupakan program *work based learning* (belajar sambil bekerja) di mana pelajar berada 2 tahun di universiti dan 2 tahun di industri;
- (iii) Program CEO@Fakulti yang melibatkan perkongsian pengalaman dan kepakaran tokoh-tokoh korporat yang berwibawa antaranya melibatkan CEO daripada Exxon & Mobil, Maybank, CIMB, Khazanah dan lain-lain;
- (iv) Program *Gap Year* yang merupakan program pilihan dan bukan paksaan di mana pelajar dibenarkan meninggalkan pengajian formal bagi tempoh satu tahun kalendar akademik untuk terlibat dalam program seperti program kesukarelawanan atau perkhidmatan komuniti; dan
- (v) Program Cambridge Accessible Tests (CATs) diperkenalkan bagi menilai kebolehan membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

KPT turut menjalankan program-program lain di dalam usaha mempertingkatkan kadar kebolehpasaran graduan, antaranya Program Pusat Kecemerlangan Industri, Program Dwi Ijazah (*multi-disciplinary*) di beberapa universiti awam, pengenalan inisiatif penilaian bahasa Inggeris melalui *Malaysian Higher Education English Assessment* (MEA) dan program pensyarah sebagai *practitioner* menjelang tahun 2023 serta penyaluran dana GE yang melibatkan kolaborasi antara industri dan institusi pendidikan tinggi awam.